Monorail, 20,000 rumah sudah dijanjikan dahulu MS3



BEST KOMTAR dilancar MS 5

Polisterina diharam MS 25



PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




16 – 31 DISEMBER 2012

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




# Fokus KN sedia rumah rakyat

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian Negeri melahirkan rasa kecewa ekoran pengumuman kerajaan persekutuan Barisan Nasional (BN) bahawa Pulau Pinang hanya bakal memperoleh 70 unit atau 0.35 peratus daripada jumlah 20,454 unit rumah mampu milik yang akan dibina di seluruh negara menerusi Belanjawan 2013 baru-baru ini.

Exco terbabit, Wong Hon Wai berkata, hal ini jelas menunjukkan betapa kecilnya komitmen BN terhadap negeri Pulau Pinang.

Sebaliknya, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri (KN) meletakkan sepenuh perhatian berhubung inisiatif menyediakan keperluan perumahan kepada rakyat terutamanya dalam kategori rumah kos rendah dan mampu milik.

"Antaranya, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah memperuntukkan RM500 juta bagi merealisasikan Skim Perumahan Mampu Milik.

"Malah, kita (Kerajaan Negeri) juga mempunyai pelan untuk membangunkan 18,000 unit rumah mampu milik di bahagian pulau dan Seberang Perai antaranya di Jalan S.P. Chelliah (George Town), Teluk Kumbar (Daerah Barat Daya), Ampang Jajar (Seberang Perai Utara), Bukit Mertajam (Seberang Perai Tengah) dan Batu Kawan (Seberang Perai Selatan)," katanya dalam satu kenyataan di sini pada 4 Disember lalu.

Menurutnya, sejak 8 Mac 2008 hingga 31 Julai lalu, sebanyak 14,702 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah telah memperoleh sijil kelayakan menduduki (OC) dikeluarkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan membabitkan 47 buah projek di seluruh negeri.

"Ini termasuk, Halaman Kenanga (Daerah Timur Laut), Taman Ampang Jajar (Seberang Perai Utara) dan Sri Saujana (Daerah Timur Laut).

"Malah, KN turut memainkan peranan berhubung projek di pangsapuri lima tingkat Desa Nipah (Balik Pulau) dengan membolehkan harga jualan mampu beli oleh rakyat iaitu RM35,000 seunit. Di Taman Sungai Duri Permai, Seberang Perai, skim berbentuk *landed town house,* RM38,000 seunit," jelas beliau.



**BEBERAPA penduduk memerhatikan wajah baru Flat Kampung Melayu, Air Itam yang siap dicat semula dan dinaiktaraf hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini. Berita di muka surat 4. *Gambar oleh Law Suun Ting.***

Hon Wai memberitahu, bagi bekalan masa depan, sebanyak 15,246 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah telah memperoleh kelulusan merancang sejak 8 Mac 2008 hingga 31 Julai lalu. Ia adalah membabitkan 62 projek yang kini dalam pelbagai peringkat kelulusan dan proses pembinaan.

Dalam pada itu, bagi kategori unit sewaan, Kerajaan Negeri telah membaikpulih unit-unit diabaikan BN sebelum ini. Terdapat 170 unit di Rumah Pangsa Padang Tembak yang telah dibiarkan kosong selama 10 tahun semasa pemerintahan BN. Unit-unit tersebut terbiar dan menjadi kosong selepas askar-askar berpindah keluar dari hostel masing-masing di Blok E dan Blok J Rumah Pangsa Padang Tembak pada akhir tahun 1990-an.

"Lajutan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif membaiki unit-unit terbabit dan menyewakannya kepada 170 keluarga memerlukan dengan harga sewaan rendah sebanyak RM90 sebulan.

"Malah, kita (KN) juga mengubahsuai 40 unit kuarters kerajaan di Taman Pelangi, George Town untuk disewa kepada kumpulan tidak berkemampuan. Di Desa Wawasan, Seberang Perai Tengah, KN telah memperuntukkan bajet untuk membaiki 120 unit tidak berpenghuni bagi keperluan keluarga memerlukan," jelasya.

Di samping itu, Hon Wai menyatakan bahawa KN turut memberi sepenuh perhatian dalam usaha menghidupkan semula projek-projek perumahan terbengkalai dalam tempoh lebih 10 tahun di bawah pentadbiran BN sebelum ini.

"Sehingga kini, KN telah menghidupkan semula projek-projek Taman Cemerlang (Bandar Baru Air Itam), *Fettes Villa* di Mount Erskine, Taman Telok Air Tawar (Seberang Perai Utara) dan Taman Pekatra (Seberang Perai Selatan).

"Baru-baru ini, saya juga telah mengadakan lawatan ke lokasi projek perumahan terbengkalai (sebelum ini) Desa Aman, Relau yang mana usaha pembinaan dalam menghidupkan semula projek terbengkalai telah hampir ke penghujung bagi merealisasikan impian para pembeli yang sudah menunggu selama 12 tahun," kata Hon Wai.




# Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam ditambah lebih 300% sejak 2008 – Abdul Malik



**ABDUL Malik Abul Kassim.**

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Tindakan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Teng Chang Yeow yang mempertikai keputusan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) menambah peruntukan Hal Ehwal Agama Islam sebanyak lebih 300 peratus sejak tahun 2008 jelas memaparkan wajah huduh dan perkauman sempit golongan terbabit.

Kenyataan tersebut ditegaskan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim melalui kenyataan medianya di sini baru-baru ini.

Abdul Malik dalam pada itu mencabar Chang Yeow yang juga Setiausaha Gerakan Pulau Pinang agar mengulangi kenyataannya kepada masyarakat Melayu, seperti mana kenyataan pemimpin PR bercakap dengan nada yang sama di kepada semua kaum.

"Saya juga mencabar pemimpin UMNO, khususnya Timbalan Pengerusi BN yang juga Ketua UMNO Pulau Pinang, Datuk Zainal Abidin Othman agar mendesak Chang Yeow supaya menarik balik kenyataannya yang cuba mengapi-apikan perkauman sempit dalam kalangan masyarakat Cina.

"Saya juga mencabar pemimpin Melayu pro UMNO yang bertopengkan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) seperti PERKASA, JATI, PAJIM, PERTIGA, BADAI, JMPP dan PKIM untuk membidas tindakan Chang Yeow," katanya di sini.

Tambah beliau, pertikaian Chang Yeow terserlah sikap rasis, khianat, anti Melayu dan anti Islam.

"Tindakan Chang Yeow jelas menolak dakyah UMNO selama ini terhadap kerajaan negeri.

"Ia juga membuktikan kepada rakyat bahawa Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang berkhidmat dan bertanggungjawab kepada rakyatnya secara adil tanpa mengambilkira latar kaum, agama dan fahaman politik.

"Malah, sikap rasis dan busuk hati Chang Yeow itu juga mengesahkan selama lebih 50 tahun BN mentadbir Pulau Pinang, mereka menafikan hak masyarakat Melayu dan Islam dalam pelbagai bidang," tegas beliau.

Lanjutan itu, Abdul Malik memberitahu bahawa kenyataan Chang Yeow turut mengesahkan bahawa bekas kerajaan BN di bawah pimpinan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon tidak pernah meluluskan peruntukan hal ehwal agama Islam seperti diperuntukkan Kerajaan Negeri PR kini.

"Tidak hairanlah, Melayu dan Islam terus terpinggir di bawah pimpinan UMNO/BN di negeri ini, kerana pemimpin jenis inilah yang menghalang perkembangan dan kemajuan Melayu Pulau Pinang selama ini.

"Kerajaan PR terpaksa menyelesaikan berbelas masalah, malah berpuluh tahun yang membelenggu masyarakat Islam di negeri ini. Antaranya, masalah kesesakan tanah perkuburan Islam di Jelutong yang berjaya diselesaikan dengan baik membabitkan perbelanjaan sebanyak RM20 juta untuk pengambilalihan tanah milik bukan Islam di sini," jelasnya.


PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN / REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)**

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan dan antarabangsa untuk menyertai RFP seperti berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| TAJUK | : | REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN TAMAN HERBA PULAU PINANG |
| TARIKH DIBUKA | : | 30 NOVEMBER 2012 |
| TARIKH DITUTUP | : | 28 FEBRUARI 2013 |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 30 November 2012.

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan "Pembangunan dan Pengurusan Taman Herba Pulau Pinang". Cadangan lengkap hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengahari pada 28 Februari 2013 kepada:-

   **Sekretariat,**
   **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI),**
   **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,**
   **Tingkat 47, KOMTAR,**
   **10503 Pulau Pinang.**

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Monorail, 20,000 rumah sudah pun dijanjikan dahulu - KM


MONORAIL (Gambar hiasan).

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa pengundi Pulau Pinang tidak akan kagum dengan janji berkembar Perdana Menteri untuk membina monorail dan 20,000 unit perumahan mampu milik hanya jika Barisan Nasional (BN) menawan balik negeri ini.

Sebaliknya, beliau menyatakan bahawa ia jelas adalah percubaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membeli undi dan mendedahkan kegagalan BN untuk menetapi janji dahulu.

"Pertama, janji-janji seperti ini adalah di bawah naungan kuasa kerajaan persekutuan dan ia merupakan tanggungjawab awam untuk menyediakan perumahan awam dan pengangkutan awam daripada kutipan cukai yang diterima, termasuk daripada rakyat Pulau Pinang.

"Kedua, janji-janji ini bukan janji baru kerana ia sudah pun dijanjikan dahulu, khususnya oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri semasa Tahun Baru Cina 2006," katanya dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, sekiranya BN telah gagal memenuhi janji untuk membina monorail apabila mereka berkuasa di peringkat persekutuan serta negeri pada tahun 2007, apakah jaminan bahawa BN akan menepati janji mereka jika mereka berjaya menawan balik Pulau Pinang dalam Pilihanraya Umum yang akan datang. Malah dalam penyediaan perumahan mampu milik, BN telah gagal dengan teruk.

"Pada tahun 1984, kerajaan BN telah memperoleh 330 ekar tanah di Bertam, Kepala Batas pada harga RM5.1 juta untuk Kementerian Pertahanan dengan janji membina perumahan bagi keluarga-keluarga kakitangan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

"28 tahun kemudian, janji tinggal janji dan kawasan tersebut telah menjadi ladang kelapa sawit yang disewa kepada syarikat kroni BN pada harga rendah RM7,000 sahaja dan bukan perumahan mampu milik seperti dijanjikan," tegasnya.

Katanya, tindakan Najib untuk memberi janji bersyarat bagi membina hanya jika BN menang kuasa menunjukkan bahawa beliau tidak bertindak sebagai Perdana Menteri untuk semua tetapi sebagai Perdana Menteri untuk BN.

"Penetapan syarat ke atas janji-janji ini mendedahkan bahawa beliau (Najib) tidak menghormati hak demokratik rakyat untuk memilih wakil rakyat dengan bebas tanpa ugutan atau sogokan.

"Ini merupakan satu lagi kes *"you help me, I help you"* yang disebut oleh Najib semasa pilihanraya kecil Sibu yang telah ditolak oleh pengundi Sibu," ujarnya.

Sebaliknya, Guan Eng menyatakan bahawa Najib harus belajar daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menyelesaikan masalah berlarutan selama 27 tahun dialami 103 keluarga di Rumah Pangsa Mak Mandin di Butterworth baru-baru ini.

"103 keluarga terbabit telah mendiami Rumah Pangsa Mak Mandin pada tahun 1985 dan dijanjikan rumah kos rendah sebagai ganti oleh Kerajaan Negeri BN. Seperti janji-janji BN yang lain, ia tidak ditunaikan sejak 1985.

"Ramai daripada 103 keluarga itu telah membayar penuh harga rumah kos rendah. Sejumlah RM1,160,899 telah dibayar oleh kebanyakan 103 keluarga tersebut. Baru-baru ini, saya telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan menyelesaikan kemelut 27 tahun itu dengan memberi bukan sahaja 103 unit secara percuma, tetapi mengembalikan dengan penuh duit yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri untuk pembelian rumah kos rendah.

"Dalam kata lain, Kerajaan Negeri tidak menetapkan syarat kepada 103 keluarga tersebut bahawa rumah dan wang hanya akan diberi jika PR memenangi Pilihanraya Umum yang akan datang. Sebaliknya, tidak kira sama ada PR menang atau kalah, 103 keluarga tersebut akan mendapat rumah percuma dan wang mereka kembali," kata beliau.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, kerajaan BN harus malu kerana gagal membina perumahan mampu milik yang mencukupi di Pulau Pinang.

"Hanya 70 Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah kos rendah sewa akan dibina di Pulau Pinang oleh kerajaan persekutuan, iaitu jumlah yang paling kecil di antara semua negeri di Malaysia.

"Sebaliknya, Kerajaan Negeri PR menawarkan dua ekar tanah primer di Jalan S.P. Chelliah bagi pembinaan PPR pada awal Ogos tahun ini, tetapi tidak menerima maklumbalas daripada pihak berkenaan.

"Justeru, Kerajaan Negeri telah pun memutuskan untuk membina 300 unit rumah mampu milik bagi masyarakat Melayu Bumiputera dengan menggunakan Tabung Bumiputera Pulau Pinang," ujarnya.

# BN janji 103 rumah, ditepati KN kini

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**


KETUA Menteri berjabat tangan dengan para penduduk yang hadir pada majlis interaksi dua hala di sini baru-baru ini.

**BUTTERWORTH –** Sebanyak 103 rumah percuma untuk rakyat Pulau Pinang yang dijanjikan Kerajaan Negeri era Barisan Nasional (BN) hampir 30 tahun lepas ditepati Kerajaan Negeri era Pakatan Rakyat (PR) baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penerima rumah kos rendah (LC) berkenaan terdiri oleh 23 keluarga yang dipindahkan untuk projek Tapak Ekspo Seberang Jaya pada tahun 1985 dan 80 keluarga yang menjadi mangsa kebakaran di kawasan setinggan Rumah Hijau, di sini pada 30 Jun tahun sama.

Sebanyak 102 keluarga ditempatkan di Rumah Pangsa Mak Mandin, manakala, satu keluarga lagi di Rumah Awam Permatang Tinggi.

"Kerajaan Negeri (era Barisan Nasional) lama telah mewajibkan mereka (mangsa) membayar RM19,000 selepas diberi diskaun RM6,000.

"Akan tetapi, 103 buah keluarga menuntut diberikan rumah gantian percuma kerana mereka memberi jalan untuk projek Kerajaan Negeri baik untuk Tapak Ekspo Seberang Jaya, mahupun untuk projek Rumah Hijau sekarang di mana rumah gantian diberikan.

"Malangnya, Kerajaan (Pulau Pinang) lama (era) BN enggan atau gagal tepati janji memberi rumah percuma," ujar beliau semasa melawat tapak Rumah Pangsa Mak Mandin, di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Phee Boon Poh (Exco Kesihatan, Kebajikan, Mesyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turut hadir dalam majlis interaksi dua hala dengan penduduk berwajib.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, Kerajaan Negeri menanggung kos RM1.95 juta (RM1,951,683.00) di sebalik pemberian 103 rumah LC secara percuma tersebut.

Ekoran itu, katanya lagi, Kerajaan Negeri akan membayar balik ansuran mengikut jumlah bayaran yang diterima oleh Kerajaan Negeri era BN dulu.

Namun, beliau berkata, 11 keluarga yang dikenalpasti langsung tidak membuat sebarang bayaran ansuran perumahan tidak akan menerima sebarang pembayaran daripada Kerajaan Negeri.

Difahamkan, sebanyak RM1.06 juta (RM1,058,683.00) adalah bayaran balik harga rumah yang telahpun selesai.

Manakala, RM83,946.00 adalah jumlah bayaran ansuran yang telahpun dijelaskan sehingga November lepas.

Bayaran deposit yang perlu dikembalikan kepada keluarga berwajib pula adalah berjumlah RM18,270.00 sahaja.

"Sebanyak RM1,160,899.00 (RM1.16 juta) akan dibayar balik dengan syarat semua bayaran penyelenggaraan yang dihutang sebanyak RM81,120 mesti dibereskan.

"Perlu ditegaskan, hak milik strata hanya akan dipindahkan sebaik sahaja bayaran penyelenggaraan tunggakan dibayar," ujar beliau.



WONG Hon Wai (empat dari kanan) bersama sebahagian penduduk menunjukkan tanda bagus sambil berlatarbelakangkan Flat Kampung Melayu yang telah siap dicat semula.

# Flat Kg. Melayu berwajah baru

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**AIR ITAM –** Berubah! Atas inisiatif khas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), Flat Kampung Melayu di sini kembali ceria dengan imej baru.

Selain kerja-kerja pengecatan semula membabitkan blok A dan blok B, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM1,479,109 juta bagi menaiktaraf kawasan perumahan itu sepanjang tahun ini.

Exco Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai berkata, kos penambahbaikan flat itu adalah melibatkan lima komponen termasuk kedua-dua blok A dan blok B.

"Kerja-kerja penambahbaikan antaranya membabitkan penaiktarafan dua bilik sampah dan laluannya sepanjang 10 meter dengan kos RM18,829; menaiktaraf longkang apron sepanjang 50 meter (RM39,990); menaiktaraf lobi lif di blok A dan blok B serta penukaran peti surat (RM111,290); penggantian tiga unit lif baru di blok A (RM592,000) dan penggantian lif baru di blok B (RM717,000)," katanya pada Majlis Penyerahan Siap Kerja Pengecatan Semula Flat Kampung Melayu di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hon Wai yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam turut mengumumkan kos pengecatan semula Flat Kampung Melayu bagi blok A dan blok B.

"Pengecatan semula blok B Oktober tahun lalu menelan kos RM275,000 dan blok A yang siap baru-baru ini adalah sebanyak RM259,525 menjadikan jumlah keseluruhan adalah RM534,525.

"Bagi kerja-kerja pengecatan semula itu, Kerajaan Negeri menampung 80 peratus kos, manakala 20 peratus lagi merupakan tajaan beberapa syarikat swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak-pihak berkenaan," jelas beliau.




LORONG alternatif ke Kampung Simpang Tiga Kubang Ulu di sini yang berlebaran kira-kira enam kaki dihitung cukup untuk laluan sebuah kereta sahaja.

## Jalan alternatif Kubang Ulu sempit dapat cakna ADUN Penanti

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PENANTI -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mencari jalan untuk melebarkan jalan alternatif ke Kampung Simpang Tiga Kubang Ulu, di sini demi kepentingan rakyat setempat.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata, pembinaan jejantas baru di kawasan tersebut telah mengakibatkan jalan alternatif itu kian sempit ke dinding Masjid Jamek Kubang Ulu dan sebuah rumah milik penduduk setempat.

"Penduduk 'bising' kerana lorong (alternatif) ini sempit selepas (projek pembinaan) jejantas tersebut siap sepenuhnya.

"Kita akan berbincang untuk pindah rumah tersebut...kita akan bincang dengan pejabat (Jabatan) Mufti Pulau Pinang untuk mengalihkan masjid tersebut ke satu tanah lain agar jalan alternatif ini boleh dilebarkan," ujar Mansor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti semasa melawat lokasi berkenaan baru-baru ini.

Hadir bersama, wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang dan wakil Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Tinjauan yang dibuat mendapati, lebar jalan alternatif dua hala itu kira-kira enam kaki sahaja, cukup untuk laluan sebuah kereta.

## Pesta P. Pinang 2012 mampu beri pulangan nilai kewangan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SUNGAI NIBONG –** Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang Ke-46 di sini berlangsung meriah dan penuh warna-warni baru-baru ini dengan kehadiran beribu-ribu pengunjung dari dalam dan luar negeri.

Kemeriahan bertambah apabila Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff turut berkenan merasmikan Pesta Pulau Pinang yang berlangsung selama sebulan bermula 1 Disember lalu hingga 1 Januari tahun depan dengan bertemakan, 'Jom Pi Pesta'.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Pegawai Kewangan Negeri merangkap Pengerusi Penganjur Pesta Pulau Pinang, Datuk Mokhtar Mohd. Jait dan konsulat-konsulat antarabangsa daripada Indonesia, Thailand dan Sumatera turut hadir memeriahkan majlis.




MANSOR Othman ketika berucap pada Majlis Perasmian Pesta Pulau Pinang Ke-46 di sini baru-baru ini.

Mansor ketika berucap berkata, Pesta Pulau Pinang adalah mekanisme terbaik untuk para peniaga kecil dan sederhana menjual barangan dan produk mereka.

"Terdapat hampir 167 gerai jualan disediakan terdiri daripada industri kecil dan sederhana (IKS), tekstil pakaian dan kiosk makanan. Turut dipamerkan adalah adat budaya masyarakat Sumatera, Indonesia dan Thailand.

"Lanjutan itu, para peniaga perlu mengambil peluang yang ada setahun sekali ini bagi menambah nilai barangan dan pendapatan masing-masing kerana Kerajaan Negeri sedaya-upaya mempromosikan Pesta Pulau Pinang sebagai salah satu produk pelancongan negeri," ujarnya pada Perasmian Pesta Pulau Pinang Ke-46 di Tapak Pesta Sungai Nibong di sini baru-baru ini.

Tambah Mansor, bagi memantapkan penganjuran Pesta Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memastikan bahawa penambahbaikan dijalankan setiap tahun.

"Seperti tahun ini, Pesta Pulau Pinang adalah lebih bertenaga, ceria, warna-warni dan diyakini mampu memberi pulangan nilai kewangan *(value for money)* kepada pengguna.

"Ini kerana, barangan yang ditawarkan adalah pada harga yang berpatutan," ujarnya.



ANTARA tarikan Pesta Pulau Pinang 2012.

# 7 tahun terbengkalai, Desa Aman kini pulih

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**RELAU** – Hasil inisiatif Kerajaan Negeri melalui Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai, projek Pangsapuri Desa Aman yang terbengkalai tujuh tahun lalu (sejak 2005) di sini berjaya 'dihidupkan semula'.

Dengan itu, ia bakal memberi nafas baru kepada hampir 300 pembeli yang 96 peratusnya masih memilih untuk terus mengekalkan status sebagai pembeli (hanya 4 peratus tolak).

Ini bermakna, jumlah tersebut menambah bilangan projek-projek perumahan yang telah dipulih semula Kerajaan Negeri dan siap dibina iaitu di Taman Cemerlang di Bandar Baru Farlim, Taman Fettes di *Mount Erskine*, Taman Telok Air Tawar di Seberang Perai Utara, Taman Guar Perahu di Seberang Perai Tengah dan Taman Pekaka Indah di Simpang Ampat sebelum ini.

Hon Wai berkata, pemaju dahulu mengalami kebankrapan dan terbengkalai setelah kerja-kerja pembinaan mencapai tahap 60 peratus.

"Kini pemaju baru, hasil inisiatif Kerajaan Negeri, syarikat *White Knight,* Patsifit Construction Sdn. Bhd. mengambil alih untuk memulih semula kerja-kerja yang terbengkalai sebelum ini," katanya pada majlis sidang media yang diadakan di tapak perumahan di sini baru-baru ini.

Pelan asal Pangsapuri Desa Aman mempunyai dua blok iaitu blok A yang mengandungi 266 unit, manakala blok B, 126 unit dengan jumlah keseluruhan adalah 392 unit di atas tanah berkeluasan 2.4 ekar di Jalan Paya Terubong, di sini.

Dalam pada itu, Pengarah *White Knight,* Patsifit Construction Sdn. Bhd., Tan Kok Hooi memaklumkan bahawa pihaknya kini dalam proses permohonan sijil kependudukan dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).



**GAMBAR** perbandingan Pangsapuri Desa Aman sebelum dan selepas dibaikpulih setelah terbengkalai selama tujuh tahun.


**PANGSAPURI** Desa Aman kini hanya menanti sijil kependudukan.

## Sambutan Hari Ulangtahun Raja Thailand penuh bermakna

**PENGHORMATAN...** Sempena Hari Ulangtahun Raja Thailand, Raja Bhumibol Adulyadeh Ke-84, satu acara makan malam khas dianjurkan pihak Kedutaan Thailand di sebuah hotel terkemuka di Persiaran Gurney di sini baru-baru ini.

Acara diketuai Konsulat Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Voradet Viravakin, merakamkan ucapan kehormat kepada Yang DiPertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'azam Shah.

Acara makan malam yang menghidangkan masakan ala Thai dan tempatan turut diserikan dengan tarian kebudayaan pelajar-pelajar semester satu Fakulti Seni Persembahan, Universiti Thaksin, Songklha, Thailand.

Salah seorang daripada 13 penari tersebut, Chouticha Pawong, 18, menyatakan bahawa ia merupakan kali pertama beliau membuat persembahan berprestij untuk Hari Ulang Tahun Raja Bhumibol. Tarian yang dipersembahkan adalah dikenali sebagai *Shachatiee, Thaksina* dan Tarian Khong.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus, Konsulat Jeneral Jepun, Ryyuji Noda dan pemangku Konsul Besar Indonesia, Sofiana Mufidah.


**ABDUL** Halim Hussain (depan, dua dari kiri) berjabat tangan dengan dif-dif jemputan pada Majlis Makan Malam Sempena Hari Ulangtahun Raja Thailand, Raja Bhumibol Adulyadeh Ke-84 di sini baru-baru ini.

# BEST KOMTAR atasi kesesakan, kurang beban kakitangan awam



**KETUA** Menteri melepaskan bas-bas BEST KOMTAR sebagai gimik pelancaran di pusat membeli-belah Sunway Carnival sambil diperhatikan Chow Kon Yeow (kanan sekali) dan Farizan Darus (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SEBERANG JAYA** – Bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan mengurangkan beban tanggungan kos logistik dalam kalangan kakitangan perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif khas memperkenalkan perkhidmatan bas percuma, BEST KOMTAR sejak 3 Disember lalu di sini.

Melalui perkhidmatan pergi balik dari Bandar Sunway, Seberang Jaya dan Komtar tersebut, sebanyak dua bas disediakan dalam tempoh percubaan tiga bulan dengan kos dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri sebanyak RM50,000.

Waktu operasi BEST KOMTAR adalah 6.50 pagi dari pusat membeli-belah *Sunway Carnival* dan dari Komtar, 5.20 petang dengan kapasiti 82 penumpang bagi setiap buah bas.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, perkhidmatan tersebut adalah khas untuk para kakitangan kerajaan yang menetap di Seberang Perai dan berkhidmat di Komtar.

"Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan jalanraya dan masalah letak kenderaan yang semakin padat sehingga menyebabkan berlaku kesesakan di atas Jambatan Pulau Pinang khususnya," kata Kon Yeow pada sidang media khas selepas ketibaan bas-bas BEST KOMTAR di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Kon Yeow bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Datuk Ar. Patahiyah Ismail turut menyempurnakan majlis pelepasan bas-bas BEST KOMTAR di pusat membeli-belah *Sunway Carnival*, Seberang Jaya.

Guan Eng dalam pada itu berkata, Pulau Pinang memimpin apabila menjadi negeri pertama menyediakan kemudahan pengangkutan kepada para pekerja tanpa mengira swasta dan awam.

"Pulau Pinang memimpin kerana tak ada lagi Kerajaan Negeri lain yang buat inisiatif seperti ini.

"Kerajaan Negeri sememangnya 'majikan' yang bertimbang rasa apabila menyediakan perkhidmatan bagi mengurangkan bebanan tanggungan dan tekanan kepada pekerja yang membawa kenderaan pada jarak jauh terutamanya kepada golongan wanita dan pekerja di gred bawahan," ujarnya.

Pada Mac tahun lalu, perkhidmatan pengangkutan awam BEST *(Bridge Express Shuttle Transit*) secara percuma buat pertama kali diperkenalkan di Pulau Pinang dari pusat membeli-belah *Sunway Carnival* ke bahagian pulau melalui Jambatan Pulau Pinang.

Sebanyak RM1.18 juta subsidi telahpun ditanggung oleh Kerajaan Negeri demi memudahkan rakyat ke tempat bekerja, terutama di Zon Perindustrian Bebas (FIZ) dekat Bayan Lepas.

# Kerajaan Bersih fokus selesai masalah rakyat – B.J. Habibie

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Bekas Presiden Indonesia, Bachaduddin Jusof Habibie ( B.J. Habibie) berkata, usaha menyelesaikan masalah rakyat menjadi keutamaan pentadbirannya sungguhpun menerima pelbagai cabaran daripada orde lama tinggalan bekas presidennya, Muhammad Soeharto.

Malah katanya, beliau sama sekali tidak berminat untuk bermain politik semasa dipilih menjadi Presiden Indonesia memandangkan adalah seorang profesor dalam bidang teknologi ruang angkasa.

"Saya tidak kisah. Saya mempunyai prinsip. Saya tidak akan sama sekali menjadi penghukum...saya memang merancang untuk menjadi seorang prefesor dan cuba mengeluarkan kehidupan rakyat yang susah kepada hidup yang lebih selesa," ujar beliau dalam Forum Pakatan ASEAN Untuk Tadbir Urus Bersih anjuran *Penang Institute* di sini baru-baru ini.

Itu respons beliau dalam sesi soal jawab dalam forum kendalian Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) *Penang Institute,* Zairil Khir Johari.

Beliau berkata, beliau percaya bahawa ketamadunan manusia bukanlah milik eksklusif mana-mana bangsa.

Atas maksud itu, beliau berkata, dasar ala-ala disentralisasi diperkenalkan di Indonesia dengan memberi kuasa yang lebih kepada Kerajaan Provinsi serta pihak berkuasa tempatan (Kota) dari segi pentadbiran dan mengurus ekonomi.

Tidak cukup dengan itu, katanya lagi, langkah memulakan referandum rakyat turut dilakukan di Timur Leste semasa era pentadbirannya memandangkan rakyat di kepulauan itu menuntut kemerdekaan daripada Kerajaan Indonesia yang berpusat di Jakarta.

"Banyak pihak memprotes keputusan ini. Ia bukan langkah yang popular. Tapi, (seorang) pemimpin menyelesaikan masalah rakyat, bukannya berpolitik semata-mata," ujar beliau.

Difahamkan, beliau menjadi Presiden Indonesia selama dua tahun bermula sejak 21 Mei 1998, iaitu semasa Indonesia sedang menyaksikan majoriti rakyat menolak kepemimpinan tidak demokratik Soeharto.




**B.J. Habibie menyampaikan ucaptama pada *Forum Pakatan ASEAN* Untuk Tadbir Urus Bersih anjuran *Penang Institute* baru-baru ini.**

Dalam perkembangan yang sama, beliau turut memuji pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dianggap bersih serta komited memerangi rasuah.

Beliau berkata, kriteria pentadbiran yang bersih seperti di Pulau Pinang antara lain adalah meningkatkan kualiti hidup serta keselesaan hidup rakyat.

Sebelum pada itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng semasa menyampaikan ucapan alu-aluan berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak Mac 2008 sedang berusaha melaksanakan urus tadbir berasaskan Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Atas semangat itu, beliau berkata, pengalaman B.J. Habibie diperlukan dalam mengangkat agenda tadbir urus kerajaan secara bersih di peringkat ASEAN.

Beliau berkata, melalui *Penang Institute,* Kerajaan Negeri berusaha menghimpunkan bekas-bekas pemimpin negara ASEAN seperti bekas perdana menteri Thailand, Abhisit Vejjajiva bagi merealisasikan Pakatan ASEAN dalam tadbir urus kerajaan secara bersih.

"Cita-cita kebenaran, kebebasan dan ketelusan perlu universal memeluk dan bahawa rakyat ASEAN berhak mendapat hak untuk menikmati nilai-nilai yang penting dalam kerajaan yang baik, bersih dan cekap... dalam menyampaikan aspirasi rakyat.

"Pulau Pinang bercita-cita untuk menjadi modal tadbir urus yang bersih di rantau ini, tetapi kita tidak mahu menjadi pemegang tunggal impian ini.

"Kami berharap untuk melihat seberapa banyak ibu negara tadbir urus bersih mungkin di seluruh ASEAN.

"Kehadiran beliau (B.J. Habibie) di sini (Pulau Pinang) adalah menggalakkan kepada semua penyokong tadbir urus yang bersih dan merupakan satu lagi langkah ke hadapan untuk Gabungan ASEAN bagi Urus Tadbir Bersih," ujar beliau di depan hampir 1,000 hadirin.

# Keahlian Lembaga Rayuan Negeri tidak libat ahli politik

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Setelah lebih 20 tahun ditubuhkan, akhirnya atas inisiatif khas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR), sebuah dewan persidangan khas disediakan di Tingkat 57, Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) untuk Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri, Zainuddin Ahamad berkata, Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang di bawah JPBD yang ditubuhkan pada tahun 1985 adalah yang pertama di Malaysia sebaik Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) diterimapakai di negeri ini.

Jelasnya, dari tempoh tersebut hingga kini, Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang telah mengendalikan lebih 476 kes iaitu yang terbanyak dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia.

"Alhamdulillah, akhirnya Kerajaan Negeri menyediakan sebuah ruang khusus untuk pengendalian perbicaraan kes-kes yang lebih selesa dan sempurna.

"Malah, kini Lembaga Rayuan turut mengorak langkah ke hadapan dengan membina laman sesawang lebih mesra pengguna di mana orang ramai boleh mengakses atau membuat aduan melalui e-Rayuan yang akan berfungsi sepenuhnya pada Januari 2013," ucapnya pada Majlis Perasmian Dewan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Lembaga Rayuan Pulau Pinang adalah antara Lembaga Rayuan yang aktif di Malaysia. Sejajar dengan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, Kerajaan Negeri telah menyediakan ruang operasi di Tingkat 57, Komtar bagi memberi kemudahan kepada orang awam.

Tambah Zainuddin, Lembaga Rayuan yang merupakan sebuah badan berkecuali ditubuhkan Pihak Berkuasa Negeri berfungsi sebagai *quasi-judicial* yang bertanggungjawab mendengar, mempertimbang dan membuat keputusan bagi kes-kes rayuan kebenaran merancang seperti diperuntukkan dalam Akta 172.




**SEBAHAGIAN Ahli-ahli Lembaga Pengarah Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang bergambar bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan negeri pada Majlis Perasmian Dewan Persidangan Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

"Keahlian Lembaga Rayuan kini berbeza kerana tidak melibatkan mana-mana ahli politik seperti diamalkan kerajaan terdahulu. Malah, keahliannya turut melibatkan jurutera, arkitek, hakim, penilai, peguam dan pensyarah yang dilantik sebagai ahli lembaga," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan majlis tersebut berkata, inisiatif yang dilaksanakan merupakan kayu pengukur kejayaan sesebuah negeri yang bukan hanya bergantung kepada kepesatan pembangunan, tetapi penyertaan orang awam dalam hal ehwal pentadbiran dan awam

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai dan Pengerusi Lembaga Rayuan Negeri, Datuk Yeo Yang Poh yan juga merupakan bekas Pengerusi Majlis Peguan Negara.

Pada majlis sama, Ketua Menteri turut merasmikan Buletin Rayuan Negeri Pulau Pinang terbitan JPBD yang merupakan koleksi kes-kes edisi ke-4 penerbitan berkenaan.

# Mahkamah Tinggi P. Pinang batal kes saman sPICE



CHOW Kon Yeow mempamerkan dokumen Pernyataan Tuntutan diterima Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada sidang media yang diadakan di Komtar baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Mahkamah Tinggi Pulau Pinang menolak permohonan semakan kehakiman serta membatalkan kes saman berhubung projek pembinaan Pusat Konvensyen dan Pameran Antarabangsa (sPICE) bernilai RM300 juta.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, Mahkamah turut mengarahkan keempat-empat plaintif, iaitu Khoo Yen Her, R. Rama Krishnan, Abd. Manan Abd. Manap dan K. Sathiasilan membayar kos berjumlah RM7,500 kepada 14 responden, termasuk Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri.

"Ini kedudukan terakhir (saman tuntutan) yang difailkan oleh empat orang plaintif ke atas empat pihak (difendan), iaitu Kerajaan Negeri, 11 lagi Exco (ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, MMK), MPPP (Majlis Perbandaran Pulau Pinang) dan Eco Meridian Sdn. Bhd. (EMSB)," ujar beliau baru-baru ini di Komtar, di sini.

Pada 29 November lepas, Kerajaan Negeri menerima Writ Saman serta Penyataan Tuntutan daripada keempat-empat plaintif melalui Tetuan Thayalan & Associates.

Dalam Pernyataan Tuntutan yang difailkan, mereka mencabar kesahihan perjanjian antara MPPP dan pemaju, EMSB yang merupakan anak syarikat SP Setia Bhd..

Malah, pihak plaintif turut mendesak Mahkamah mengisytihar batal serta tidak sah berhubung projek mega di atas tanah MPPP yang kini terdirinya Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA).

Selain itu, plaintif turut menuntut satu deklarasi bahawa arahan Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang kepada Defendan ke-13, iaitu MPPP adalah batal dan tidak sah.

Plaintif turut menuntut satu deklarasi bahawa peruntukan-peruntukan perjanjian tambahan ketumpatan adalah bercanggah dengan Akta Perancangan dan Desa 1976 serta Seksyen 9(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Perlembagaan Persekutuan) sendiri berserta kos relif lain.

Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 18 Mei lepas telahpun membatalkan Writ Saman serta Penyataan Tuntutan berwajib selepas mendengar penghujahan kedua-dua belah pihak, iaitu plaintif dan defendan.

Pihak plaintif kemudiannya membuat permohonan semakan kehakiman sebelum Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 4 Disember lepas membuat sekali lagi ketetapan dengan menolak rayuan pemohon serta membatalkan kes berkenaan.

## Merzagua Abderrazak Ketua Jurulatih Harimau Kumbang

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



MERZAGUA Abderrazak (dua dari kanan) bergambar bersama-sama Mohd. Foaz Hamid (dua dari kiri) dan maskot, Haria 74 pada majlis sidang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Lagenda bintang yang pernah mengharumkan nama pasukan bola sepak negeri, Harimau Kumbang, Merzagua Abderrazak kembali ke 'pangkuan' Pulau Pinang selepas pernah membawa pasukan menjuarai Liga Perdana I pada 1998.

Kehadirannya kini adalah bagi menggalas tanggungjawab sebagai ketua jurulatih pasukan yang berada di Liga Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi melayakkan semula skuad Harimau Kumbang bersaing di Liga Premier dan sterusnya Liga Super.

Menurut Presiden Persatuan Bolasepak Pulau Pinang (FAP), Mohd. Foaz Hamid, kehadiran Merzagua bakal menghadirkan aura baru terutamanya kepada peminat dan pemain dengan aksi menarik dan misi layak ke Liga Premier tahun hadapan.

"Saya berterima kasih kepada FAM yang segera meluluskan lesen kejurulatihan Merzagua. Malah, terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri yang turut membantu dari segi moral dan dana. Begitu juga syarikat-syarikat pemaju dan pihak swasta yang terlibat.

"Para pemain kini begitu bersemangat di bawah kendalian Merzagua," ujar beliau pada satu sidang media di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Merzagua yang turut melahirkan keyakinan terhadap pasukan berkenaan merasakan bahawa ia adalah suatu penghormatan kepadanya ekoran memperoleh kepercayaan melatih skuad Harimau Kumbang.

"Saya datang ke sini semula bagi menaikkan kembali martabat bola sepak Pulau Pinang yang sedikit merosot.

"Misi kita jelas pada musim ini adalah menaikkan semula Pulau Pinang ke liga utama Liga Perdana pada 2014. Saya percaya akan kemampuan pemain-pemain yang ada," ujar beliau selepas tamat sesi latihan kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, pihak FAP melalui Syarikat Yezza Sdn. Bhd. melantik pelakon dan pengacara, Jimmy Shanley sebagai duta persatuan.

Maskot baharu Pulau Pinang iaitu 'Haria 74' turut diperkenalkan pada majlis sama sebagai simbolik kali terakhir memenangi Piala Malaysia pada tahun 1974.

## AES garis panduan bantu miskin




PHEE Boon Poh.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh menyatakan bahawa Setiausaha MCA Pulau Pinang, Lau Chiek Tuan tidak melakukan 'kerja rumahnya' apabila membuat kenyataan mengenai parameter dan statistik kemiskinan negeri ini.

Katanya, dakwaan Chiek Tuan terhadap kenyataan Ketua Menteri, Y..A..B. Tuan Lim Guan Eng bahawa Pulau Pinang bakal menghapuskan kemiskinan pada 2013 adalah omongan kosong di dalam akhbar Bahasa Inggeris, *The Star* bertarikh 5 Disember lalu bertajuk, *'Poverty not eradicated'* sebagai kurang cerdik dan hanya mainan politik untuk memancing undi menjelang pilihanraya.

"Chiek Tuan mungkin tidak melakukan 'kerja rumah'nya tentang parameter dan statistik kemiskinan Pulau Pinang.

"Walhal, Kerajaan Negeri melalui Agenda Ekonomi Saksama (AES) telah menggariskan beberapa panduan bagi membantu golongan miskin keluar dari kepompong kemiskinan," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Tambahnya, parameter kemiskinan kebangsaan kini masih ditakuk lama iaitu RM430 (jumlah pendapatan isi rumah) sebulan, sedangkan Kerajaan Negeri telahpun terdahulu menaikkan parameter sehingga kini mencecah RM770 sebulan bagi sebuah isi rumah di negeri ini.

"Jumlah RM430 adalah ditetapkan oleh kerajaan persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri.

"Malah, sehingga ke hari ini parameter kemiskinan masih lagi tidak berubah," tegasnya.

Tambah Boon Poh, melalui pelaksanaan AES, kadar kemiskinan di Pulau Pinang dapat dihapuskan pada tahun 2013 berbanding sasaran awal iaitu tahun 2015.

"Contohnya pada tahun 2009, Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang berjaya mengurangkan kadar kemiskinan dalam negeri.

"Chiek Tuan harus mengkaji statistik dan parameter kemiskinan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) supaya dia (Chiek Tuan) tahu bahawa Kerajaan Negeri mempunyai rekod cemerlang dalam usahanya membasmi kemiskinan di negeri ini.

"Janganlah, takkan dalam hal ehwal kebajikan pun masih nak bermain politik, kesianlah rakyat," kata Boon Poh yang turut menyatakan bahawa Chiek Tuan hanya mengeluarkan kenyataan yang tidak berasaskan pada fakta sebenar.



ABDUL Malik Abul Kassim.

# PENCAPAIAN EXCO HAL EHWAL AGAMA, PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA (2008 - 2012), DATUK ABDUL MALIK ABUL KASSIM

## HAL EHWAL AGAMA ISLAM

- Pengurusan masjid & surau.
- Pembangunan pendidikan Islam.
- Pengukuhan mekanisme dakwah.
- Pemantapan pengurusan halal.
- Pemantapan institusi keluarga Islam.



SAMBUTAN Maal Hijrah 1434H di Masjid Daerah Barat Daya.



MAJLIS sumbangan dan penganugerahan Al - Huffaz Negeri.

## PENINGKATAN PERUNTUKAN

**Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam (2008 - 2013) :**

| TAHUN | PERUNTUKAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM (RM) | |
|---|---|---|
| | Dengan Pengambilan Tanah | Tanpa Pengambilan Tanah |
| 2008 | 25.49 juta | 23.43 juta |
| 2009 | 35.78 juta | 30.75 juta |
| 2010 | 37.85 juta | 35.96 juta |
| 2011 | 63.21 juta | 43.21 juta |
| 2012 | 64.03 juta | 39.23 juta |
| 2013 | 47.42 juta | 44.92 juta |

## PENGURUSAN MASJID & SURAU

• Memantapkan pentadbiran khariah & masjid agar institusi Islam tersebut dapat diimarahkan sebagai pusat pembangunan Ummah. Untuk tujuan itu : -

### i) Mewujudkan Masjid Madani

Pemilihan 7 masjid sebagai Masjid Madani atau masjid contoh :

1. Masjid Negeri Pulau Pinang
2. Masjid Daerah Barat Daya
3. Masjid Daerah Seberang Perai Utara (Telok Ayer Tawar)
4. Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (PERDA)
5. Masjid Daerah Seberang Perai Selatan
6. Masjid Bertam Indah
7. Masjid Sungai Ara

### ii) Ehya' Ramadan

• Sumbangan kepada semua masjid berjumlah hampir RM1 juta bagi persiapan menyambut Ramadan – tidak pernah dilakukan Barisan Nasional (BN).

• Setiap masjid Qaryah disumbang RM1,000.00, Masjid Daerah (RM3000) & Masjid Negeri (RM5,000) membabitkan peruntukan sebanyak RM213,000.

### iii)Menaikkan elaun Bilal dan Siak sebanyak 80%

| Babitkan 400 individu | Bermula Mei 2011 (RM) | |
|---|---|---|
| Bilal | 180 | 324 |
| Siak | 200 | 360 |

## PEMBANGUNAN PENDIDIKAN ISLAM

### i) Pengiktirafan kepada Huffaz melalui ijtimak Huffaz

• Bertemakan 'Sebuah Keluarga, Seorang Hufaz'.
• Penganugerahan khas sehingga mencatatkan penambahan Huffaz .
• Menerima wang tunai RM500 dan sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

| Bil. Huffaz | 2008 | 2009 | 2010 | 2011 | 2012 |
|---|---|---|---|---|---|
| (orang) | | | | | |
| | 103 | 130 | 180 | 260 | 350 |

**(Bilangan Huffaz mengikut tahun).**

### ii)Bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) :

| PERKARA | DAHULU ( BN) | SEKARANG (PR ) |
|---|---|---|
| Sumbangan & Pengiktirafan Al-Huffaz | TIADA | Tahun 2009 : RM 75,000<br>Tahun 2010 : RM 100,000<br>Tahun 2011 : RM 130,000<br>Tahun 2012 : RM 150,000 |
| Peruntukan Tambahan Tahunan Untuk SAR | TIADA | Tahun 2009 : RM 1.50 juta<br>Tahun 2010 : RM 1.75 juta<br>Tahun 2011 : RM 1.75 juta<br>Tahun 2012 : RM 1.75 juta |
| Saguhati Tahunan Guru KAFA | (2008)<br>RM659,000.00 | Tahun 2009 : RM 879,000<br>Tahun 2010 : RM 913,200<br>Tahun 2011 : RM 900,000<br>Tahun 2012 : RM 900,000 |

### iii) Pendidikan Islam sepanjang hayat

• Perancangan melalui program Pengajian Islam Tinggi di Kolej Islam Tinggi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB) bagi membuka peluang pelajar-pelajar Pulau Pinang melanjutkan pelajaran di institusi penganjian tinggi (IPT) termasuklah di luar negeri untuk mewujudkan pendidikan Islam sepanjang hayat pada tahun 2013.

• Usaha menaiktaraf KITAB sebagai kolej universiti dan seterusnya universiti penuh dan membawa masuk universiti–universiti terkemuka Islam terutama dari Arab Saudi.

## PENGUKUHAN MEKANISME DAKWAH

### i)Sambutan bulan-bulan Al-Quran

• Julung kali pada tahun 2010 sepanjang bulan Rejab, Syaaban dan berakhir pada bulan Ramadan setiap tahun.

• Antara program yang mendapat sambutan adalah :-

a. Program Celik Al-Quran.
b. Kelas Bahasa Al-Quran.
c. Bacaan Kitab.
d. Tahsin Al Quran.
e. Seminar Al-Quran.
f. Forum Diskusi Interaktif Al-Quran.
g. Program Masyarakat dan Eksplorasi Al-Quran.
h. Kursus Hafazan serta Talaqi.

*Semua program menjadi acara tetap tahunan.

### ii)Mewujudkan Majlis Syura Kerajaan Negeri

• Pada tahun 2010.

• Berfungsi sebagai satu badan penasihat dan pencetus idea untuk penambahbaikan institusi Islam di Pulau Pinang.

• Keanggotaan seramai 35 orang diwakili badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).

### iii)Program Forum Perdana Hal Ehwal Islam di seluruh negeri

• Lebih 50 program dianjurkan dengan input daripada Majlis Syura.

## PEMANTAPAN PENGURUSAN HALAL

i) Penubuhan Bahagian Halal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)
• Dimantapkan semula dengan penambahan kakitangan dan ditempatkan di tingkat 44, Komtar.
"Kerajaan Negeri berharap negeri bakal memainkan peranan penting serantau dan antarabangsa dengan pelaksanaan projek eko-bandar untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembuatan dalam konteks lebih luas ke arah ekonomi hijau dan pertumbuhan hijau," katanya pada Majlis Perasmian Kajian dan Bengkel Perancangan Eko-Bandar 2012 di sini baru-baru ini.

Bengkel tiga hari yang memberi pengiktirafan kepada Pulau Pinang sebagai pusat tempat latihan negara-negara jiran tersebut dianjurkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Program Alam Sekitar (UNEP)/Pusat Teknologi Alam Sekitar Antarabangsa (IETC).

Malah, dengan penyertaan 150 peserta dari dalam dan luar negara, penganjuran bengkel tersebut turut memperoleh kerjasama Pusat Alam Sekitar Global (GEC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan *Penang Institut*.

Hadir sama, Exco Kesihatan, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sahriff, Pegawai Kanan Projek GEC, Hiromu Takata, Pegawai Program UNEP/IETC, Dr. Mushtaq Ahmed Memon dan Pengarah Bahagian Projek GEC, Kenji Shiraishi.

Menurut Guan Eng, penglibatan Pulau Pinang dalam proses eko-bandar telah bermula sejak tahun 2004 dan berterusan sehingga hari ini.

"Pulau Pinang komited ke arah kelompok perindustrian dan satu pendekatan proaktif untuk menjadi sebuah bandar mesra alam, menyediakan peluang baik untuk pertumbuhan industri secara alam sekitar dengan menggunakan konsep eko-pekan dan menggalakkan penggunaan sumber, pengurangan sisa pepejal serta pertukaran antara industri.

"Kami (Kerajaan Negeri) mahu memperkenalkan penanda aras antarabangsa untuk menangani isu-isu alam sekitar, kebersihan, jenayah dan kesesakan dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan pelabur, destinasi pilihan bagi pelancong serta pelawat dan habitat pilihan untuk kehidupan yang mapan," jelasnya.



**PERSEMBAHAn menarik oleh ahli-ahli pasukan Pandu Puteri bersempena Majlis Perasmian Kajian dan Bengkel Perancangan Eko-Bandar 2012 di sini baru-baru ini.**

## KEPUTUSAN PENILAIAN KEMPEN TANDAS BERSIH 2012 MPPP

| BIL. | KATEGORI | KEDUDUKAN | LOKASI / NAMA SYARIKAT | ALAMAT | KEPUTUSAN PERATUS | KEPUTUSAN BINTANG |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | MILIK PBT | PERTAMA | Tandas Awam Pasar Air Itam | Jalan Air Itam | 96% | 5 |
| | | KEDUA | Tandas Awam Padang Kota Lama | Padang KotaLama | 95% | 5 |
| | | KETIGA | Tandas Awam Pantai Miami | Pantai Miami | 89% | 4 |
| 2 | STESEN MINYAK | PERTAMA | Petronas (Sarinani Kiosk Enterprise) | 73, Jln Masjid Negeri | 89% | 4 |
| | | KEDUA | Petronas ( SSP Bukit Gambir ) | Lot 10034 Mk 13, Jln Bukit Gambir | 88% | 4 |
| | | KETIGA | Caltex Oil Malaysia Berhad | 724, Mk 2 Teluk Bahang | 80% | 3 |
| 3 | RESTORAN | PERTAMA | Ferringhi Garden | Batu Ferringhi | 96% | 5 |
| | | KEDUA | IL Bacaro | 106 Lebuh Campbell | 93% | 5 |
| | | KETIGA | Westen Spices Holding Sdn Bhd | No. 1 Green Hall | 92% | 5 |
| 4 | KEDAI MAKAN | PERTAMA | Monaliza BBQ Cafe | 369 Lebuh Chulia | 85% | 4 |
| | | KEDUA | Quay Cafe | 2 Gat Lebuh Gereja | 84% | 4 |
| | | KETIGA | Ilham Intelek Sdn Bhd | Lebuh Union | 79% | 3 |
| 5 | PUSAT MEMBELI BELAH | PERTAMA | Capitamalls Malaysia Trust | 170 Persiaran Gurney | 97% | 5 |
| | | KEDUA | 1st Avenue Sdn Bhd | 182, Jln Magazine | 92% | 5 |
| | | KETIGA | Queensbay Mall – JMB | 100 Persiaran Bayan Indah | 89% | 4 |




**PHEE Bon Poh (kanan sekali) bergambar bersama-sama Dr. Lailanor Ibrahim (dua dari kiri) selepas pelancaran Kajian Sokongan Terhadap Pelaksanaan PENBAR di sini baru-baru ini.**

# 6 lokasi diwarta Zon Larangan Merokok

**GEORGE TOWN –** Enam kawasan baru diwartakan di bawah peruntukan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 sebagai zon larangan merokok berkuatkuasa 2 Oktober lalu di bawah Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR) baru-baru ini di sini.

Melalui perisytiharan pewartaan tersebut, maka setiap individu tidak dibenarkan merokok di mana-mana lokasi diwartakan.

Jika disabit kesalahan, perokok-perokok bakal dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara melebihi dua tahun.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, pada peringkat awal pelaksanaan, penguatkuasaan akan dijalankan secara nasihat, teguran dan pendidikan *(educational enforcement)*.

"Kita telah menetapkan enam kawasan baru bagi melaksanakan kawasan bebas asap rokok iaitu Taman Perbandaran, Taman Botani, Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang, Empangan Mengkuang dan Taman Bandar Ampang Jajar," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Datuk Dr. Lailanor Ibrahim.

Program hasil kerjasama Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tersebut adalah untuk melindungi orang awam khasnya golongan kanak-kanak, remaja, wanita dan orang yang tidak merokok daripada bahaya asap rokok basi.

Dalam pada itu, tambah Boon Poh, tabiat merokok mampu menyebabkan pelbagai jenis penyakit, malah, turut memudaratkan orang lain yang berada di sekeliling perokok dan golongan ini dikenali sebagai perokok pasif.

"Laporan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) menunjukkan bahawa setiap tahun seramai 600,000 kematian dicatatkan akibat kesan perokok pasif di seluruh dunia. Satu pertiga daripadanya adalah golongan kanak-kanak yang masih belum mengenal erti kehidupan.

"Dalam pada itu, pendedahan kepada asap rokok basi (*secondhand tobacco smoke*) menyebabkan kesihatan yang buruk. Kajian saintifik turut membuktikan bahawa tabiat merokok boleh menyebabkan penyakit paru-paru obstruktif kronik, penyakit jantung, kanser paru-paru dan pelbagai penyakit kronik lain," ujar beliau.

# PWDC perjuang kesaksamaan gender & perkasakan wanita




**LYDIA Ong Kok Fooi.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi mengukuh dan memperkasakan wanita di dalam semua sektor masyarakat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta bagi menubuhkan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) pada November tahun lalu.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Pengerusi PWDC, Lydia Ong Kok Fooi berkata, PWDC ditubuhkan untuk membangunkan dasar-dasar gender responsif dan urus tadbir yang baik demi menggalakkan kesedaran, pemahaman jantina dan keadilan sosial.

"Melalui sokongan Kerajaan Negeri dan kumpulan penasihat yang terdiri daripada wanita pelbagai latarbelakang serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berganding bahu bersama PWDC menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri unik iaitu kaum lelaki dan wanita bersatu dalam menyelesaikan masalah.

"PWDC memperjuangkan kesaksamaan gender masyarakat. Kita galakkan penyertaan wanita dalam kehidupan sosio ekonomi dan politik. Malah, kukuhkan kepimpinan kaum wanita dalam membuat keputusan di semua sektor.

"Umumnya, PWDC pastikan transformasi Pulau Pinang berdasarkan prinsip kesaksamaan substantif dan tadbir urus yang baik," ujarnya pada Majlis Perasmian Pejabat Baru PWDC di Komtar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Ahli Lembaga Pengarah PWDC, Chong Eng, Exco Pertanian dan Industri, Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir menyempurnakan majlis tersebut berkata, PWDC adalah sebuah badan yang ditubuh dan dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri di bawah struktur sebuah syarikat swasta bukan berdasarkan keuntungan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memberikan sejumlah RM2.3 juta pembiayaan ke arah pembangunan wanita. RM1.5 juta disalurkan ke dalam pembiayaan berterusan PWDC dan kerja-kerja penting ke arah mengarusperdanakan gender, tadbir urus yang baik dan keadilan sosial di negeri ini," jelasnya.

Kata Guan Eng, isu-isu berkaitan wanita memerlukan lebih perhatian dan isyarat yang lebih konkrit.

"Pulau Pinang merupakan satu-satunya Kerajaan Negeri yang mewujudkan perbadanan wanita ini dengan harapan agar suatu hari nanti negeri bakal menjadi model dalam memperjuangkan kesaksamaan gender," ujar beliau.

# FESMAS X penghubung semangat penyatuan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



**PENGARAH Bahagian Pengurusan Sukan, Majlis Sukan Negara, Datuk Ab. Jalil Abdullah (tengah) menyampaikan trofi kemenangan kepada salah seorang pemenang sambil diperhatikan Ong Poh Eng (kanan sekali) pada kejohanan FESMAS X di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Festival Sukan Malaysia X (FESMAS X) menjadi penghubung kepada semangat setiakawan serta penyatuan semua organisasi sukan, pegawai-pegawai dan semua yang terlibat dalam sukan di Malaysia, ujar Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Makan Malam FESMAS X yang mana negeri Pulau Pinang diberi tanggungjawab untuk menjadi badan penganjur kejohanan berprestij berkenaan.

Katanya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sangat berharap dengan adanya majlis seperti penganjuran tersebut, ia akan mengeratkan silaturrahim antara kakitangan dan semua pegawai yang terlibat dalam menjayakan sukan di negara kita.

"Ini sudah pasti akan turut menggalakkan kerjasama yang berpanjangan dan erat ketika dan selepas sesuatu pertandingan mengambil tempat," jelasnya.

FESMAS X telah berlangsung dari 27 November hingga 1 Disember lalu di sini dengan penyertaan pasukan-pasukan sukan dari seluruh negara.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara (ISN), Ahmad Shapawi Ismail, Timbalan Pengerusi ISN, Datuk Ong Poh Eng dan semua pegawai dan ahli Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

# KAAK-TR dedah asas asuhan di rumah



**SALAH seorang peserta menerima sijil penyertaan daripada barisan penganjur pada Majlis Penutupan KAAK-TR di sini baru-baru ini. Turut kelihatan adalah Sri Husnaini Sofjan (kiri sekali).**

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**JAWI –** Menyedari potensi besar perkhidmatan nurseri di Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) baru-baru ini menganjurkan Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak Taska Di Rumah (KAAK-TR) di sini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Sri Husnaini Sofjan, bengkel enam hari itu merupakan langkah penting bagi memberi peluang kepada para wanita yang berminat mengusahakan sendiri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di rumah.

Katanya, ramai wanita terpaksa meninggalkan tenaga kerja di peringkat tertinggi setelah melahirkan anak berikutan kesukaran mendapatkan perkhidmatan pembantu rumah, kekurangan pusat jagaan kanak-kanak, kos jagaan mahal, pusat jagaan tidak memiliki lesen dan ketiadaan persekitaran pekerjaan yang membolehkan wanita berperanan sebagai ibu dan pekerja di tempat kerja.

"Secara tradisi, masyarakat menerima bahawa wanita hanya sesuai untuk menguruskan rumahtangga dan menjaga anak-anak.

"Ini menyebabkan wanita kurang berpeluang bekerja di luar rumah dan mempunyai pendapatan," katanya pada Majlis Penutupan KAAK-TR di sini baru-baru ini.

Seramai 30 peserta terdiri daripada guru tadika, ibu tunggal, suri rumah dan lain-lain menyertai kursus yang menyediakan informasi serta pengetahuan asas penjagaan kanak-kanak selaras dengan garis panduan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terbabit.

Turut menjayakan penganjuran berkenaan adalah Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM) dan Persatuan Ibu Tunggal dan Kebajikan Umum Seberang Perai Selatan.

Jelas Sri Husnaini, faktor dan tanggapan tersebut menjadi punca utama wujudnya perbezaan jurang ekonomi dan kuasa membuat keputusan antara golongan lelaki dan wanita.

"Sebagai contoh, wanita menduduki 60 peratus daripada jumlah pelajar universiti di dalam negara, tetapi, kadar penyertaan tenaga kerja formal hanya 46.4 peratus sahaja.

"Majoriti wanita masih dalam pekerjaan berpendapatan rendah berbanding kaum lelaki meliputi semua kategori pekerjaan terutamanya sektor swasta," ujarnya.



SEBAHAGIAN perkakas katering yang digunakan.



BERSAMA para pembantu menyediakan bahan-bahan masakan.

# Ikhlas & sabar rahsia Mak Lang katering

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **IDZHAM AHMAD**

**USIA** tidak pernah menjadi penghalang kepada Mak Lang untuk meneruskan minat beliau dalam bidang masakan.

Malah, pada usia 63 tahun, Mak Lang atau nama sebenar, Fadzilah Hashim masih gah memegang senduk bagi menyediakan pelbagai hidangan makanan bagi 2,000 jemputan.

Mak Lang yang bergelar ibu tunggal sejak lima tahun lalu merupakan pengusaha katering popular di Balik Pulau.

Tanpa sebarang publisiti yang diusahakan, masakan Mak Lang mula menjadi buah mulut apabila beliau memulakan perniagaan gerai menjual makanan secara kecil-kecilan di Simpang Empat, Genting, Balik Pulau sejak 18 tahun lalu.

"Sambil-sambil berniaga, Mak Lang ambil juga tempahan sekiranya ada yang minta.

"Setelah betul-betul yakin dan atas sokongan serta dorongan arwah suami, Mak Lang baru berani menceburi bidang katering pada tahun 2002," katanya ketika diwawancara Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Antara menu masakan popular Mak Lang yang dikurniakan lima cahaya mata adalah nasi lemak, ayam goreng, kurma daging, dalca dan roti jala.

Tidak dinafikan, Buletin Mutiara yang berkesempatan merasai masakan-masakan tersebut bersetuju dengan pendapat ramai. Walaupun pedas, sekali rasa sambal tumis ikan bilis Mak Lang, memang nak lagi!

Begitu juga dengan roti jala yang berwarna keperang-perangan bukan hanya lembut beralun, malah, kuah kari ayam adalah cukup lemak dengan isi yang cukup lembut.

Mengulas lanjut, Mak Lang menyatakan bahawa resipi masakan beliau adalah daripada arwah Tok beliau.

"Masa darjah dua, Mak Lang selalu tengok arwah Tok buat kuih jual.

"Pada kesempatan itu, Mak Lang pun belajar sekali membuat kuih-kuih basah seperti kuih lapis, karipap, bengkang, tepung bungkus dan kuaci,'' ujarnya sambil menyatakan bahawa bidang masakan juga merupakan bakat semulajadi beliau.

Bercerita mengenai pengalaman ketika mula menceburi bidang katering, Mak Lang tidak menafikan bahawa beliau risau mengenai anggaran bekalan-bekalan yang diperlukan.

"Semua main agak (anggaran) je. Lama-kelamaan, kemahiran tu datang sendiri berdasarkan pengalaman," jelas beliau yang memperoleh bekalan rempah daging dan beriani dari sebuah premis di Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) yang menjual produk asli dari India.

Di samping keenakan masakan Mak Lang, nilai pegangan yang menjamin kejayaan perniagaan beliau kini adalah keihlasan dan kesabaran yang disemainya.

"Buat kerja kena sabar walaupun ada pihak-pihak lain cuba memburuk-burukkan kita. Ini kerana, semua yang datang adalah rezeki masing-masing dan hanya Allah sahaja yang tahu," ujarnya ringkas.

Sepanjang bergiat dalam bidang tersebut, Mak Lang menyatakan bahawa beliau tidak pernah mengambil untung yang banyak dan memberi tempahan makanan tidak cukup kepada para pelanggan. Malah, tempahan makanan juga tidak pernah tiba lewat ke lokasi.

Tanpa mengira sikit ataupun banyak tempahan diterima untuk sesebuah majlis, Mak Lang akan bangun seawal 4 pagi untuk menyiapkan masakan-masakan ditempah.

Sehingga kini, sebahagian besar tempahan diterima Mak Lang adalah di sekitar Balik Pulau. Sekiranya, terdapat tempahan di luar kawasan termasuk Seberang Perai, beliau terpaksa ke lokasi majlis dengan syarat semua bahan disediakan oleh pelanggan.

Ini kerana, Mak Lang tidak mempunyai kemudahan logostik untuk menghantar barangan masakan ke lokasi di luar Balik Pulau.

Bagi perancangan masa depan, Mak Lang yang kini 'menurunkan' perniagaannya kepada anak keempat Izan Munirah Ramli, 34, berharap ia dapat diperluaskan terutamanya dalam penyediaan kelengkapan kemudahan logistik.

"Selagi larat, Mak Lang akan teruskan kerana masih sihat dan sudah biasa buat kerja tidak berhenti ditambah dengan minat," jawabnya yang kini menyandang jawatan Ketua Bahagian Makanan Wanita Kampung Titi Teras, Balik Pulau.



MAK Lang.



MAK Lang sedang menyiapkan tempahan makanan.

***INFO :***
**Mak Lang Katering**
**559, Kampung Titi Teras,**
**11000 Balik Pulau.**
**Tel. : 017 – 432 5276**

# Azman bawa misi Zakat P. Pinang tengah umat



AZMAN Abdul Samat.

**SELARI** dengan slogan "Merakyatkan Zakat Pulau Pinang", Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat Pulau Pinang MAINPP menganjurkan konvoi bermotor dari Perlis ke Putrajaya merentasi Kedah, Pulau Pinang dan Perak.

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIpK) dengan sokongan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) turut terlibat dalam program tersebut.

Program tersebut boleh dikatakan suatu aktiviti di luar tradisi Zakat Pulau Pinang MAINPP sungguhpun 'orang kuat' di belakang tadbir itu nampak cukup sederhana.

Orangnya tidak kecil dan tidak besar. Sekali pandang, nampak seperti 'ustaz' sungguhpun latar belakang pendidikan tingginya bukan dalam bidang keagamaan.

Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai penyelidik di Universiti Sains Malaysia (USM), George Town dan mula bertugas di Zakat Pulau Pinang MAINPP sejak tahun 1995, seterusnya, dilantik sebagai Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang MAINPP pada tahun 2000.




AZMAN Abdul Samat (depan, dua dari kiri) bersama-sama sebahagian peserta konvoi bermotor menunjukkan tanda bagus sebelum memulakan misi dipertanggungjawabkan.

Percaya atau tidak, Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang MAINPP, Dr. Azman Abdul Samat yang ditemuramah oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara (BM), **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini mengakui bahawa hampir 12 tahun mengetuai pentadbiran Zakat Pulau Pinang MAINPP adalah pengalaman yang cukup berharga.

Tidak hairanlah, jika sekiranya idea seperti konvoi bermotor yang berlangsung baru-baru ini berjaya menggamit perhatian rakyat di negeri ini untuk melihat fungsi dinamik Zakat Pulau Pinang MAINPP berlakangan ini.

"Idea ini, kita mula sejak awal tahun ini dengan kerjasama JAWHAR (atau) Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

"Awal (bulan) Muharam, kita lancar kempen Bulan Zakat Peringkat Kebangsaan yang membabitkan semua negeri.

"Tapi, kita di Utara Semenanjung Malaysia yang membabitkan Utara Perak, Kedah Perlis dan kita (Pulau Pinang)...kira kita macam jadi 'Tuan Rumah' di Utara ini," ujar beliau selepas selesai majlis pelepasan konvoi di Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang MAINPP, Bandar Perda, Bukit Mertajam.

Selama dua hari masa diambil oleh lebih 30 peserta konvoi kereta serta motor berkuasa tinggi mengelilingi Perlis dan Kedah sebelum tiba di Bukit Mertajam pada 30 November lepas.

Azman berkata, konvoi dijangka tamat di Putrajaya pada Selasa, 4 Disember lalu.

"Sepanjang tempoh konvoi di Pulau Pinang ini, kita akan masuk kampung dan desa untuk mengagihkan zakat, selain, berkempen mengenai peranan ummah menunaikan zakat seperti zakat gaji, zakat korporat yang ditunaikan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat.

"Kita akan serah bantuan zakat kepada penerima yang layak di Jarak Atas, Tasek Gelugor...ada lah seperti hamper dan serah (replika) kunci rumah," ujar beliau.

Beliau berkata, Zakat Pulau Pulang MAINPP perlu lebih proaktif dengan membawa institusi itu terus kepada rakyat, bukan menunggu rakyat datang ke ibu pejabat institusi itu.

"Sekarang, kita perlu turun padang dan yakinkan ummah mengenai peranan serta tanggungjawab kita.

"Konvoi yang dilakukan hari ini pun, adakah salah satu usaha kita mempromosi Zakat Pulau Pulang khusus untuk generasi muda," ujar beliau.

Tidak cukup dengan itu, beliau berkata, Zakat Pulau Pulang MAINPP turut memainkan peranan yang lebih serius di peringkat antarabangsa.

**Misi Global**

Terbaru, beliau berkata, Zakat Pulau Pinang MAINPP telah menghantar satu delegasi kehormat ke wilayah bergolak Gaza, Palestin.

"Delegasi itu diketuai Dr. Mujahid Yusof Rawa selaku Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang MAINPP dan saya sendiri sertai misi kemanusiaan itu," ujar beliau.

Beliau berkata, Zakat Pulau Pinang MAINPP sejak tahun 2007 menubuhkan Tabung Zakat Antarabangsa untuk misi-misi kemanusiaan umat Islam di seluruh dunia.

"Sebelum diwujudkan tabung ini, satu peratus daripada jumlah zakat yang dikumpul pernah digunakan untuk bina masjid dan bantu umat Islam yang jadi mangsa malapetaka di luar negara," ujar beliau.

**Harapan**

Beliau berharap Zakat Pulau Pinang MAINPP boleh menerima pemberian zakat lebih banyak lagi daripada umat Islam.

"Kalau zakat yang dikutip boleh mencecah sampai RM100 juta tahun ini, mungkin lebih banyak lagi kita boleh buat.

"Apa yang penting, Zakat Pulau Pinang MAINPP wajar dilihat sebagai institusi yang profesional serta diyakini ummah. Kalau orang yakin dengan urus zakat kita, mereka akan bersama kita dalam agenda ummah di negeri ini," ujar beliau.




BERGAMBAR kenangan bersama-sama keseluruhan pasukan di perkarangan Ibu Pejabat Zakat Pulau Pinang MAINPP, Bandar Perda, Bukit Mertajam sebelum upacara pelepasan dilangsungkan.

# Tidak semua pokok dipotong - MPPP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bercadang untuk memindah 20 pokok teduh serta menanam semula 44 pokok lain yang ditebang di sepanjang Jalan Masjid Negeri, di sini bagi projek melebar jalan tersebut ke arah rancangan penyuraian trafik sebagaimana yang dituntut oleh rakyat.

Justeru, Timbalan Pengarah Kejuruteraannya, Ir. A. Rajendran berkata, MPPP sebenarnya sama prihatin dengan bantahan yang disuarakan oleh Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris di sini baru-baru ini.

"Sebagai MPPP, kita perlu menimbang antara keperluan menyuraikan kesesakan trafik yang dituntut pengguna di jalan ini dan pada masa yang sama kita fikir bagaimana mahu selamatkan semua pokok ini," ujar beliau pada sidang media yang diadakan di lokasi berkenaan petang tadi.

Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. Addnan Mohd. Razali, Nor Rezan Sulaiman (Jurutera Lanskap) turut hadir pada sidang media itu.

Rajendran berkata, kesemua pokok berwajib akan ditanam semula di sekitar Jalan Masjid Negeri berkenaan kelak demi mengekalkan kualiti udara yang sihat seperti yang dituntut CAP.

Malah katanya, tidak semua pokok dipotong di sepanjang 700 meter jalan tersebut.

Difahamkan, MPPP memperuntukkan RM7.5 juta bagi melebarkan jalan tersebut.

Demi mencari titik persefahaman, Rajendran berkata, MPPP turut mengadakan suatu perbincangan membabitkan CAP, Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN), Sahabat Alam Malaysia (SAM), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Sahabat Taman Botani Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Terdahulu, CAP bersama-sama 50 aktivis alam sekitar dan penduduk setempat melancarkan piket memprotes cadangan MPPP itu.



**A. Rajendran (dua dari kanan) menjelaskan kepada pihak media berhubung isu memprotes 'penebangan' pokok oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini baru-baru ini.**

# Penduduk tuntut Bt. Uban digazet perkampungan warisan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GELUGOR -** Penduduk perkampungan Batu Uban mendesak Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim agar memberikan status perkampungan warisan dengan kadar segera kepada kawasan perkampungan tersebut selain daripada masjid yang telah diiktiraf kementerian berkenaan baru-baru ini di sini.

Kebimbangan penduduk sampai ke puncaknya apabila pembangunan yang semakin meningkat dilihat bakal melenyapkan kampung seluas 4.3 ekar dan jemaah yang sering mengimarahkan masjid tertua di situ.

Demikian disuarakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti Batu Uban (JKKK) merangkap Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim ketika membuat tuntutan bersama hampir 300 penduduk kampung dan kumpulan bukan kerajaan (NGO) selesai solat Jumaat di hadapan masjid berkenaan baru-baru ini.

Iszuree berkata, jika hanya masjid diwartakan sebagai warisan dan perkampungan dilenyapkan, dari manakah akan datangnya jemaah untuk mengimarahkan masjid yang dibina sejak 1734 pada masa akan datang.

"Anak-anak kariah kami terdiri daripada penduduk kampung rata-ratanya dan sekiranya kampung telah tiada maka masjid akan menjadi lenggang. Ini sudah terbukti terjadi di Masjid Melayu Lebuh Acheh.

"Di sana, kampung Melayu sudah tiada kerana masjid sahaja digazetkan sebagai warisan. Apabila masjid telah tiada, di manakah fungsi masjid kepada masyarakat?, sedangkan masjid adalah institusi perpaduan umat Islam," ujarnya.

Surat tuntutan melalui Kerajaan Negeri telah dihantar ke kementerian berkenaan, tetapi hingga kini masih tidak memperoleh sebarang jawapan dan tidak diambil perhatian oleh kerajaan persekutuan.

"Kita berharap kepimpinan di bawah Pakatan Rakyat (PR) tidak akan menghentikan usaha bagi membantu penduduk mendapatkan status perkampungan warisan yang dipohon.

"Kita (penduduk kampung) akan terus melakukan solat hajat usai selesai sembahyang Jumaat setiap minggu sehinggalah rayuan dan suara hati penduduk kampung didengari di peringkat pusat," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.


**ISZUREE Ibrahim menunjukkan keratan akhbar yang memaparkan kesungguhan beliau dan penduduk perkampungan Batu Uban dalam memperjuangkan perolehan status perkampungan warisan di sini baru-baru ini.**

# Sumbangan taman mainan rapatkan institusi masjid & MPPP

**BALIK PULAU –** Bagi merapatkan ukhwah di antara pihak berkuasa tempatan (PBT) serta institusi masjid, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) melalui program, Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat menyumbangkan alatan permainan kanak-kanak kepada Masjid Daerah Barat Daya baru-baru ini di sini.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pasar Malam, Pasar Pagi & Pasar Tani, Mohd. Taufik Sulong berkata, sumbangan melalui peruntukan bernilai RM10,000 tersebut adalah perintis ke arah merapatkan PBT dan institusi masjid di seluruh Pulau Pinang.

"Sumbangan ini akan menjadi perintis ke arah merapatkan ukhwah PBT dan institusi masjid. Malah, ia juga membuktikan bahawa MPPP seiring dengan institusi masjid bagi membina serta memperkasakan pembangunan rohani masyarakat dan tumpuan yang serius kepada pembangunan fizikal di kawasan Balik Pulau.

"Serentak itu, ia juga dilihat bakal mempelbagaikan peranan institusi masjid agar menjadi tumpuan dan kunjungan masyarakat kerana sebuah masjid moden perlu memenuhi keperluan rohani serta jasmani masyarakat.," ujarnya ketika melawat alatan permainan yang disumbangkan di sini baru-baru ini.

Tambah Taufik, melalui sumbangan tersebut, ia bakal menjadi dorongan dan motivasi buat anak-anak kecil untuk datang ke masjid bersama-sama ibu bapa masing-masing.

"Diharap sumbangan ini dapat digunakan sebaik-baiknya, tiada sikap tidak bertanggungjawab dan vandalisme agar wang rakyat dapat dimanfaatkan sebaiknya dan kebersihan sekitar dijaga," ujarnya.

Dalam pada itu, Imam Masjid, Ustaz Amir turut berterima kasih kepada MPPP dan berharap sumbangan yang diberikan mengakrabkan lagi hubungan PBT dan masjid.


**TAUFIK Sulong (berbaju hitam) melawat alatan mainan gelongsor yang disumbangkan MPPP kepada Masjid Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.**

# Polisterina diharam mulai 1 Dis.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN** – Pengharaman penggunaan polisterina dikuatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) mulai 1 Disember lalu di seluruh pasar malam, pasar tani dan pasar pagi di sini.

Ahli Majlis merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pasar Malam, Pasar Pagi & Pasar Tani, Mohd. Taufik Sulong berkata, pelbagai alternatif kempen kesedaran serta keburukan penggunaan polisterina secara agresif dijalankan MPPP dan Kerajaan Negeri sejak Januari lalu.

Kata beliau, antaranya adalah penglibatan MPPP dan Kerajaan Negeri melalui Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang mengadakan kempen kesedaran dan keburukan penggunaan polisterina.

"Edaran risalah, pameran, iklan melalui laman sesawang, iklan papan iklan LED (Komtar), kenyataan akhbar dan kempen Pulau Pinang Bersih dan Hijau telah banyak diadakan bagi menyedarkan dan memberikan kefahaman kepada orang ramai mengenai keburukannya," kata Mohd. Taufik di sini baru-baru ini.

Tambahnya, seluruh jentera MPPP yang terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa dan Pembantu Kesihatan Awam bakal mengeluarkan notis terakhir kepada peniaga yang masih degil.

"Notis terakhir akan diberikan kepada peniaga ingkar dan sekiranya tiada pilihan, pihak MPPP berhak membatalkan lesen perniagaan mereka serta-merta.

"Ini kerana, mereka (peniaga) sebelum ini telah sedia maklum penggunaan polisterina mendatangkan pelbagai kesan buruk kepada kesihatan dan juga alam sekitar," tegasnya.

Mohd. Taufik menjelaskan bahawa para peniaga sering memberikan alasan perbezaan harga ketara di antara polisterina berbanding alternatif lebih mesra alam sekitar sebagai sebab untuk tidak mempraktikkan inisiatif yang diperkenalkan.

Dalam pada itu, beliau berharap usaha terbabit bakal mendapat kerjasama semua pihak.

"Kepada peniaga, jangan hanya mengejar keuntungan semata, sebaliknya lebih mementingkan kesihatan pengguna dan kelestarian alam sekitar.

"Adalah menjadi harapan agar satu hari nanti Pulau Pinang akan bebas polisterina sepenuhnya," ujarnya.



**ANTARA contoh bekas makanan polisterina yang diharamkan MPPP bermula 1 Disember lalu.**




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (tujuh dari kanan) bersama Ahli-ahli Majlis MPSP menunjukkan sepanduk bayaran cukai pintu 2013 selepas Mesyuarat Penuh di sini baru-baru ini.**

## Cabutan bertuah *Ipad3* untuk pembayar cukai MPSP

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM** - Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menganjurkan cabutan bertuah berupa *Ipad3*, komputer riba, telefon intar, barangan elektrik serta kamera sebagai menghargai pemilik-pemilik premis berwajib yang membayar cukai taksiran bagi tahun depan.

Yang Dipertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif berkata, itu tidak termasuk pemberian kupon parkir kereta secara percuma kepada pembayar cukai taksiran yang membayar keseluruhan cukai tahunan 2013 beserta tunggakan pada 1 hingga 31 Disember 2013.

"Pembayaran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik MPSP," ujar beliau baru-baru ini selepas selesai Mesyuarat Penuh di Ibu Pejabat Kompleks MPSP, di sini.

Beliau berkata, MPSP menyediakan 25,000 kupon parkir dan pengguna boleh mendapatkannya di Kaunter Bayaran MPSP dekat Bandar Perda (Bukit Mertajam), Jawi dan Butterworth di sini.

Info lanjut, katanya, boleh hubungi talian 04 – 549 7470/471/ 697/696/695/468 atau email ke *waran@mpsp.gov.my*.

## Tiga premis makan popular kotor diarah tutup 2 minggu

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN** - Sebanyak tiga daripada lima premis makan popular di sekitar Jalan Penang yang didapati tidak mencapai tahap kebersihan ditetapkan diarah tutup operasi selama dua minggu dan dikenakan tindakan saman dalam satu operasi bersepadu Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut (PKDTL) dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di sini baru-baru ini.

Setamai 16 Pegawai Kesihatan PKDTL diketuai, Wong Kee Poh dan lapan Pegawai MPPP diketuai Ahli Majlis, Ong Ah Teong menjalankan operasi tersebut berdasarkan aduan awam.



**ONG Ah Teong ketika membuat pemeriksaan di salah sebuah premis di Jalan Penang dengan kerjasama PKDTL di sini baru-baru ini.**

Menurut Ah Teong, sistem pemarkahan digunakan bagi menilai tahap kebersihan sesebuah kedai yang mana markah di bawah 65 akan diarahkan tutup selama dua minggu.

"Mereka juga diarahkan untuk membayar kompuan RM100 hingga RM250.

"Dalam tempoh dua minggu tersebut, pemilik premis perlu bersihkan semula kedai masing-masing sebelum MPPP dan PKDTL datang memeriksa semula.

"Jikalau masih gagal berbuat demikian, pihak MPPP tidak akan teragak-agak mengambil tindakan untuk tidak memperbaharui lesen perniagaan," ujarnya di sini baru-baru ini.

Antara kesalahan yang dikenalpasti adalah kehadiran serangga seperti lipas dalam kuantiti banyak di dalam premis, makanan disimpan bersama bahan pencuci, teh mengandungi pewarna yang tinggi, lipas di dalam peti sejuk, stor mempunyai najis tikus, mencuci perkakas memasak di atas lantai dan melepaskan sisa terus ke dalam longkang.

Tambah Ah Teong, bagi kesalahan membuang sisa secara terus ke dalam longkang, tiada diskaun yang akan diberikan kepada pesalah terlibat.

"Malah, bahan minuman seperti tin air laici yang tidak ditutup bersama serbuk teh mengandungi pewarna tiruan turut dirampas," tegas beliau.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Kempen Derma Darah anjuran PPS Taman Perai/Emas di sini baru-baru ini.

# Wujudkan sikap positif menderma darah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PERAI –** Menyedari betapa besarnya nilai setitik darah kepada mereka yang memerlukan, Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Taman Perai/Emas menganjurkan Kempen Menderma Darah bertempat di Gelanggang Bola Keranjang, Taman Emas di sini baru-baru ini.

Program yang diadakan kali kedua tersebut adalah hasil kerjasama Hospital Besar Seberang Jaya (HBSJ) bertujuan mengisi bekalan tabung darah di tabung darah hospital berkenaan.

Timbalan Ketua Pasukan dan Setiausaha PPS Taman Perai/Emas, M. Turaisingam berkata, kempen kali pertama yang diadakan pada September lalu telah berjaya menarik lebih daripada 100 penyertaan penduduk setempat.

"Apa yang dijalankan oleh PPS Taman Perai/Emas adalah sebagai tanda sokongan membantu unit tabung darah bagi memastikan bekalan darah adalah sentiasa mencukupi.

"Melalui program ini, kami juga dapat mewujudkan sikap positif mengenai kepentingan dan kebaikan menderma darah," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, masih ramai lagi yang tidak mengambil berat soal menderma darah dan lazimnya, kesedaran hanya akan timbul apabila keluarga atau saudara terdekat mereka memerlukan penderma darah untuk membantu.

Hadir sama, Exco Alam Sekitar, Kesihatan dan Masyarakat Penyayang yang juga merupakan Pengerusi PPS Negeri, Phee Boon Poh dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Perai, R. Subramaniam.

# Gotong-royong bersih sungai wujudkan kesedaran

**PULAU BETONG –** Bagi memupuk kesedaran berhubung tanggungjawab pemuliharaan kebersihan sungai dalam kalangan penduduk, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong mengambil inisiatif khas menganjurkan Program Gotong-Royong Membersih Sungai sempena Karnival Cintai Sungai Kita di sini baru-baru ini.

Selain pejabat PPK Pulau Betong, turut terbabit adalah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kampung Titi Teras, Rukun Tetangga Kampung Titi Teras, Qaryah Masjid An-Nur, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Barat Daya.

PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, program yang dijalankan pada hari tersebut adalah sebahagian kecil usaha untuk memastikan sungai di sini bersih dan indah.

"Pemeliharaan sungai perlu diteruskan dan bukannya dijalankan secara bermusim atau ketika keadaannya telah tercemar kerana ia (sungai) adalah sumber air terpenting," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Program gotong-royong membabitkan penyertaan kira-kira 100 penduduk tanpa mengira pelbagai lapisan umur tersebut adalah bertumpu di Pintu Air Sungai, Taman Rekreasi Pokok Kenanga di sini.

Dalam pada itu, Mohd. Tuah turut yakin program gotong-royong yang dijalankan juga dapat mengeratkan hubungan kejiranan dan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung yang terlibat terutamanya golongan belia.



SEBAHAGIAN penduduk kampung yang turut serta dalam Program Gotong-Royong Membersih Sungai sempena Karnival Cintai Sungai Kita di sini baru-baru ini.

## 54 kanak-kanak sertai khatan beramai-ramai

**KHATAN...** Seramai 54 kanak-kanak berusia antara lima hingga 12 tahun sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Maung menyertai Majlis Berkhatan Beramai-ramai Anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung di Sekolah Agama Rakyat Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, program berkhatan yang dijalankan secara tahunan ini bukan sekadar melaksanakan tanggungjawab mengkhatankan anak-anak tetapi mampu memperatkan kerjasama antara penduduk kampung.

Tambah Malik, program berkenaan juga akan memberi kenangan manis kepada kanak-kanak terlibat sekaligus membangkitkan nostalgia upacara berkhatan zaman dahulu.




ABDUL Malik Abul Kassim (berkemeja putih) memandikan sekumpulan kanak-kanak sempena Majlis Berkhatan Beramai-ramai Anjuran Pusat Khidmat ADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

# Suburkan semula semangat rewang



ROSIDI Hussain (dua dari kiri) menyampaikan pakaian mentara wanita pada majlis penyampaian khas di Bakau Tua, di sini baru-baru ini.

**PENAGA –** Pemberian baju mentara wanita kepada kaum ibu di perkampungan Kuala Muda di sini adalah sebagai perangsang kepada golongan terbabit untuk meneruskan sikap kerjasama dan tolong-menolong dalam menjayakan sesuatu majlis atau keraian di sini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain pada majlis khas penyampaian satu set pakaian mentara wanita baru-baru ini.

"Semangat rewang di kawasan kampung masih kuat dan dengan adanya pakaian seragam, insyaAllah ia akan menguatkan lagi semangat untuk meneruskan tradisi zaman dahulu iaitu merewang.

"Di Penaga ini, kalau boleh kita mahu kekalkan dan pupuk semangat gotong-royong serta kejiranan terutama ketika keraian dan keramaian," katanya.

Majlis tersebut turut memperoleh kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bakau Tua.

Terdahulu, Rosidi turut mengadakan lawatan di persisir pantai Kuala Muda untuk meninjau kawasan dikhuatiri menjadi sarang penagih bersama Pegawai Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail.

# ADUN Seri Delima pikul mandat rakyat




R.S.N Rayer (depan, berkemeja putih) bertanyakan sesuatu kepada peniaga pasar malam Taman Tun Sardon bersempena lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

**PRIHATIN...** Dalam kesibukan urusan seharian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N Rayer sempat meluangkan masa bersama penduduk sekitar Taman Tun Sardon di sini.

Baru-baru ini, Rayer mengadakan lawatan dan bertemu dengan para peniaga di pasar malam Taman Tun Sardon dan mengadakan sesi perbincangan bersama penduduk setempat.

Menurut Rayer, walaupun sibuk, rakyat harus didahulukan kerana mereka telah memberi mandat kepada ADUN sebagai orang tengah antara Kerajaan Negeri dan orang awam.

Terdahulu, beliau turut meluangkan masa melawat salah seorang penduduk lumpuh yang sebelum ini mendapatkan bantuan kerusi roda bernilai RM380 daripada pihaknya.



KEDIAMAN Zainab Ibrahim dalam kejadian kebakaran di Kampung Bagan Tambang di sini baru-baru ini.

# Mangsa kebakaran dibantu

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**TELOK AIR TAWAR –** Selain bantuan bencana Kerajaan Negeri, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Air Tawar juga bakal mengusahakan kutipan dana bagi membantu mangsa kebakaran, Zainab Ibrahim di Kampung Bagan Tambang di sini.

PPK terbabit, Salehin Mohamed berkata, inisiatif tersebut adalah bagi membantu mangsa yang mana kediamannya musnah dijilat api.

"Maklumat awal menyatakan bahawa mangsa hanya sempat menyelamatkan dokumen-dokumen penting dan sebuah kereta Proton Wira yang dialih sejurus selepas kebakaran berlaku," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Selain itu, turut terkena bahang kebakaran sehingga menyebabkan tingkap dan langsir rumah terbakar adalah kediaman Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mata Kuching, Zahir Ismail.


PENANG INSTITUTE
making ideas work
FESTIVAL
P.RAMLEE
PULAU PINANG
PERTANDINGAN MENULIS ESSEI P RAMLEE Peringkat Remaja Pulau Pinang Tarikh tutup: 31 Dis 2012
11 Dis 2012
Forum Nusantara 7
Kosmopolitanisme Melayu dalam karya P Ramlee:
Melihat Dimensi identiti Melayu yang Lain
Tempat: Dewan Pembangunan Siswa 2,
Kompleks Cahaya
Masa: 8.00 mlm - 10.30 mlm
20 Dis 2012
Majlis Tahlil Memperingati
Allahyarham Tan Sri P. Ramlee
dan perjuang seni lainnya
Tempat: Masjid seberang Jaya
Masa: 7.00 mlm - 09.00 mlm
23 Dis 2012
Pesta Rakyat P. Ramlee Pulau Pinang
Tempat:Dataran Muafakat Balik Pulau
Masa: 7.00 pagi - 11.30 mlm
28 Dis 2012
Forum Kebudayaan
Selepas P. Ramlee: Apa Jadi Warisan Melayu?
Tempat: Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas
Masa: 8.00 mlm - 10.30 mlm
7 Jan 2013
Perasmian Pameran P. Ramlee
dan Pulau Pinang
Tempat: Ruang Legar Aras 3,
Komtar
maklumat lanjut: www.penanginstitute.org/ Tel : 04 228 3306